



TATACARA PENDAFTARAN KURSUS SEMESTER PERTAMA SESI 2018/2019 (A181)

Tarikh : 13 Mei 2018 – 23 Mei 2018
Kaedah : Secara Dalam Talian (Portal Pelajar)
<http://portal.uum.edu.my>

TARIKH-TARIKH PENTING PENGKULIAHAN

Tahun			2018				
Bulan			Sept.		Okt.		Nov.
Haribulan (Tarikh Mula dan Tempoh Urusan)			9	13	11	21	8
Bil.	Tarikh Urusan	Urusan					
1	9 Sept. – 13 Sept. 2018	Tempoh Pendaftaran Kursus Audit					
2	9 Sept. – 13 Sept. 2018	Tempoh Pendaftaran Lebihan Jam Kredit					
3	9 Sept. – 11 Okt. 2018	Tempoh Tarik Diri Kursus (TD)					
4	21 Okt. – 8 Nov. 2018	Tempoh TD Berbayar RM50.00/kursus					
5	8 Nov. 2018	Tarikh Akhir Permohonan Pemindahan Kredit					

Urusan Penyediaan Maklumat/Penyelarasan
Tarikh Penyerahan/ Tarikh Akhir

1.0 MAKLUMAN KEPADA PELAJAR

- 1.1 Hebahan Jadual Waktu Kuliah akan dibuat mulai **10 Mei 2018**. Pelajar-pelajar boleh mengakses Jadual Kuliah tersebut melalui laman web <http://portal.uum.edu.my>. Sila masukkan (User name) serta (Password).
- 1.2 Pelajar diwajibkan mendaftar kursus seperti yang telah ditetapkan dalam struktur pengajian iaitu merupakan kursus-kursus yang akan diikuti pada kuliah semester hadapan. Perubahan Jadual Waktu Kuliah akan berlaku apabila pelajar tidak memenuhi prasyarat kursus yang telah ditetapkan selepas keputusan peperiksaan diumumkan.
- 1.3 Jam kredit Praktikum **dikecualikan dalam pengiraan jumlah jam kredit maksimum semester**.
- 1.4 Namun, jam kredit bagi kursus praktikum yang ditawarkan oleh Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang dengan Kepujian dan Ijazah Sarjana Muda Kaunseling dengan Kepujian adalah **diambil kira**.
- 1.5 Bagi kursus Elektif Bebas sejumlah (3) jam kredit, pelajar-pelajar boleh memilih mana-mana kursus yang ditawarkan oleh program pengajian lain di Pusat Pengajian yang sama atau kursus Pusat Pengajian lain.
- 1.6 Semua kumpulan kursus yang ditawarkan pada Semester Pertama Sesi 2018/2019 (A181) yang bertanda asterisk (*) akan dikendalikan dalam Bahasa Inggeris.
- 1.7 Sepanjang tempoh pendaftaran kursus pelajar perlu mencetak jadual waktu kuliah di dalam portal masing-masing bagi tujuan rujukan dan simpanan.
- 1.8 Jadual Waktu Kuliah yang muktamad adalah selepas berakhirnya Minggu Gugur/Tambah Kursus.
- 1.9 Setiap pelajar dikehendaki mematuhi semua tatacara dan peraturan yang telah ditetapkan.

2.0 **PERATURAN DAN TEMPOH**

- 2.1 Pendaftaran kursus akan dijalankan secara dalam talian melalui laman web <http://portal.uum.edu.my>.
- 2.2 Pelajar yang mempunyai **TUNGGAKAN HUTANG** sehingga semester semasa (**A172**) **TIDAK DIBENARKAN** membuat pendaftaran kursus. Pendaftaran hanya dibenarkan pada minggu gugur/tambah semester A181 sekiranya tunggakan hutang berkenaan dijelaskan sepenuhnya dalam tempoh minggu gugur/tambah sahaja.
- 2.3 Ketetapan ini adalah selaras dengan peruntukan Peraturan Pengajian untuk Program Sarjana Muda Perkara 8.2 dan 8.3 dalam Buku Panduan Akademik yang menetapkan:

Perkara 8.2:

“Seorang pelajar boleh dihalang daripada mendaftar untuk semester berikutnya jika beliau tidak menjelaskan mana-mana bayaran yang diperlukan kepada Universiti”

Perkara 8.3:

“Pelajar yang tidak mendaftar kursus selepas minggu kedua pada setiap semester akan digugurkan dari senarai nama pelajar berdaftar UUM.”

- 2.4 Universiti memberi kelonggaran kepada pelajar yang berhutang untuk membuat pendaftaran kursus seperti di bawah:
- i. **Pelajar tempatan yang berhutang TIDAK melebihi RM1,500.00**
 - ii. **Pelajar Antarabangsa yang berhutang TIDAK melebihi RM 100.00**
- 2.5 Semua pelajar yang tidak aktif seperti menangguhkan pengajian dan sebagainya tidak layak melakukan pendaftaran kursus pada minggu pendaftaran kursus. Pelajar terlibat hanya boleh mendaftar kursus semasa Minggu Gugur/Tambah Kursus.
- 2.6 Pelajar dikehendaki mendaftar kursus-kursus yang ingin didaftarkan pada Semester Pertama Sesi 2018/2019 mengikut format yang ditetapkan di dalam laman web tersebut dengan lengkap.
- 2.7 Semua pelajar boleh menggunakan mana-mana kemudahan komputer berinternet di dalam dan juga di luar kampus. **Jadual pendaftaran kursus adalah seperti berikut:-**

MINGGU PENDAFTARAN KURSUS SECARA DALAM TALIAN			
SEMESTER SEMASA	TARIKH	MASA BERMULA	BILANGAN HARI
7 ke atas	13 – 14 Mei 2018	12.00 tengah hari	2 Hari
5 dan 6	15 – 16 Mei 2018	12.00 tengah hari	2 Hari
3 dan 4	20 – 21 Mei 2018	12.00 tengah hari	2 Hari
1 dan 2	22 – 23 Mei 2018	12.00 tengah hari	2 Hari

- 2.9 Pelajar boleh mengakses Jadual Waktu Kuliah terkini melalui portal masing-masing mulai **13 Mei 2018 (Ahad) (tertakluk kepada perubahan)**.

Arahan:

Pengarah
Jabatan Hal Ehwal Akademik
Universiti Utara Malaysia